

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
(KOTA BHARU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24.11.2015

Y.B. DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah wang terlibat serta pecahan jumlah penerima, sektor-sektor dan negeri-negeri yang mendapat manfaat daripada Skim Jaminan Modal Kerja diwujudkan membantu Industri Kecil dan Sederhana menghadapi keadaan ekonomi semasa.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Empat skim jaminan telah diwujudkan bagi membantu syarikat-syarikat perniagaan termasuk Industri Kecil dan Sederhana untuk

mendapatkan kemudahan pembiayaan modal kerja. Skim jaminan tersebut adalah seperti berikut:-

- a. Skim Jaminan Sektor Perkhidmatan (SJSP)
- b. Skim Jaminan Modal Kerja (SJMK)
- c. Skim Jaminan Modal Kerja Rancangan Malaysia Ke 10 (SJMK RMK10)
- d. Skim Jaminan Penstrukturan Semula Industri (SJPSI)

Bagi skim-skim tersebut, Kerajaan telah memperuntukkan had skim sebanyak RM18 bilion dan Kerajaan menyediakan jaminan sehingga 70% sahaja daripada jumlah pembiayaan.

Kesemua pinjaman yang diluluskan di bawah skim SJSP, SJMK, SJMK RMK10 dan SJPSI merupakan permohonan daripada syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Sehingga 31 Oktober 2015, sebanyak 8,785 permohonan pinjaman daripada syarikat PKS berjumlah RM10.61 bilion telah diluluskan oleh institusi kewangan terlibat. Daripada jumlah tersebut, jaminan Kerajaan adalah sebanyak RM7.98 bilion.

Skim-skim jaminan ini telah diagihkan kepada lima sektor iaitu perkhidmatan, pembuatan, pembinanaan, pertanian serta perlombongan dan kuari. Secara keseluruhannya, sektor perkhidmatan merupakan sektor tertinggi yang mendapatkan kemudahan skim ini iaitu sebanyak 61.56%

yang melibatkan 5,408 syarikat PKS. Diikuti dengan sektor pembuatan sebanyak 21.42% (1,882 syarikat PKS) dan sektor pembinaan sebanyak 14.36% (1,262 syarikat PKS).

Negeri Selangor merupakan negeri penerima Skim Jaminan terbesar iaitu sebanyak 31.51% melibatkan 2,768 syarikat PKS, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak 14.31% (1,257 syarikat PKS) dan Johor sebanyak 11.86% (1,042 syarikat PKS).